

PRIME'S MIXTURE CARMINATIVE

Magnesium carbonate/sodium carbonate (150mg/5ml / 250mg /5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mixt. Carminative
2. Bagaimana Mixt. Carminative berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mixt. Carminative
4. Cara menggunakan Mixt. Carminative
5. Semasa menggunakan Mixt. Carminative
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mixt. Carminative
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mixt. Carminative

Ia digunakan sebagai antacid.

Bagaimana Mixt. Carminative berfungsi

Magnesium carbonate adalah antasid. Sodium carbonate meneutralkan kuantiti asid dalam perut. Ini meningkatkan nilai pH kandungan perut dan memberikan kelegaan daripada simptom asid berlebihan.

Sebelum menggunakan Mixt.

Carminative

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Mixt. Carminative jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam Mixt. Carminative.
- Ia sepatutnya tidak digunakan dalam kegagalan fungsi buah pinggang serius, pendarahan gastrousus dan usus besar yang belum dipastikan dan halangan usus.

- Sebelum menggunakan Mixt. Potassium Citrate

- Berhati-hati dalam penggunaan semasa:
- hamil atau menyusukan anak
 - kanak-kanak di bawah 6 tahun kecuali dengan arahan doktor
 - kanak-kanak yang mengalami dehidrasi atau kegagalan buah pinggang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika sedang mengambil antibiotik, ubat mengandungi zat besi, ubat untuk sawan, ubat penenang, susu dan kalsium. Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Mixt. Carminative

- Berapa banyak harus digunakan

10 – 20 ml tiga hingga empat kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Mixt. Carminative

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Mixt. Carminative. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Mixt. Carminative kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa penggunaan dalam kehamilan dan menyusukan anak.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah rasa kapur, cirit-birit, rasa dahaga, loya, muntah dan kejang perut. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Mixt. Carminative

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Campuran merah muda berperisa cardamon.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: magnesium carbonate dan sodium carbonate
- Bahan tidak aktif: tincture cardamom co., methyl parabens, propyl parabens, xanthan gum, rose pink dan air.

- Nombor MAL

MAL19985566X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/12/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)301117/00334